

# KRITERIA DAN ETIKA BERDAKWAH DI MEDIA SOSIAL: KAJIAN DI TWITTER

Siti Nuraisyah Binti Kasman <sup>1</sup>  
Samihah Najah Binti Ab Aziz <sup>2</sup>  
Nurul Faqihah Binti Md Rajab <sup>3</sup>  
Maisarah Saidin <sup>4</sup>

<sup>1</sup>Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (E-mail: sitinraisyah@raudah.usim.edu.my)

<sup>2</sup> Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (Email: samihahnajah@raudah.usim.edu.my)

<sup>3</sup> Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (E-mail: qieharajab@raudah.usim.edu.my)

<sup>4</sup> Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (Email: maisarah@usim.edu.my)

---

**Abstrak:** Pada masa kini, kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi telah menjadi pilihan utama masyarakat sebagai platform untuk berhubung antara satu sama lain. Oleh kerana itu, penggunaan melalui media sosial telah memberi impak yang besar kepada kehidupan seharian. Media sosial dinilai efektif sebagai medium berdakwah seperti aplikasi twitter dan ianya bukanlah satu perkara yang asing lagi pada masa kini. Dakwah melalui media sosial haruslah sentiasa diawasi supaya tidak berlaku perselisihan faham dan perbalahan pendapat. Bagi membolehkan penyampaian dakwah memperoleh sanjungan Islam, seorang pendakwah perlu peka dengan etika dan tingkah laku ketika menyampaikan dakwah di media sosial. Pendakwah perlu mengikuti perkembangan semasa dan teknologi agar ilmu dakwah dapat disebarkan ke seluruh dunia. Kajian ini membincangkan tentang kriteria dan etika yang perlu ada dalam diri seorang pendakwah menurut Islam dan impak penyebaran dakwah di Twitter. Etika yang harus dipertengahan oleh pendakwah adalah dengan cakna dengan isu yang disebarkan dan tidak menyentuh sensitiviti masyarakat yang lain. Hasil kajian ini boleh dijadikan panduan asas kepada pendakwah dan masyarakat dalam menyampaikan dakwah dan maklumat yang benar kepada masyarakat dalam media sosial.

**Kata kunci:** Etika, Dakwah, Twitter.

---

## 1.0 PENDAHULUAN

Bagi mengekalkan kesinambungan dakwah yang dibawa oleh Nabi dan Rasul Allah SWT dalam menyampaikan syariat Islam kepada seluruh umat Islam, seluruh umat Islam telah diberikan tanggungjawab dalam menyampaikan Alquran dan hadith seperti yang telah diturunkan oleh Nabi Muhammad SAW kepada seluruh umat Islam, Ia perlu dilaksana sama ada kepada kumpulan besar seperti masyarakat luar atau dakwah kepada kumpulan kecil seperti berdakwah kepada keluarga sendiri. Menurut kamus dewan edisi ke-4, dakwah adalah aktiviti memanggil dan meyakinkan orang lain untuk menerima kepercayaan. Manakala media sosial adalah media bermaksud alat atau pengantara dalam komunikasi ataupun perhubungan. Manakala sosial bermaksud segala hal yang berkaitan dengan kemasyarakatan. Oleh itu, media sosial secara mudahnya membawa maksud sebagai alat sosial dalam berkomunikasi. Etika berasal daripada perkataan Latin 'ethos' dan bermaksud sebagai sesuatu yang berkaitan dengan membuat pilihan berasaskan prinsip di antara beberapa alternatif yang bersaing sama ada pilihan itu adalah betul atau salah. Manakala akhlak berasal daripada perkataan bahasa Arab iaitu Khuluqun yang bererti perangai, tingkah laku atau hakikat yang ditunjukkan dalam seseorang manusia.

Mengetahui akan keberkesanan media sosial sebagai platform penggunaan teknologi maklumat dalam penyebaran dakwah pada masa kini, pendakwah-pendakwah bebas untuk menggunakannya dalam menyampaikan dakwah kerana ia lebih berkesan dalam mendekati sasaran dakwah. Hal ini kerana, berdakwah bukan sahaja dilakukan secara bersemuka dan hanya mendengar pengisian ceramah tetapi dakwah juga boleh disampaikan dengan pelbagai cara melalui platform media sosial seperti Twitter. Aplikasi Twitter semakin popular dikalangan masyarakat terutama sekali kepada anak-anak muda. Oleh itu, Twitter adalah salah satu pilihan untuk pendakwah sebagai cara menyebarkan dakwah. Twitter boleh menjadi alternatif kerana ciri-ciri unik mesej yang ada. Keunikan Twitter yang dipanggil tweet sangat berbeza dengan ciri-ciri mesej di media rangkaian sosial yang lain. Twitter hanya membenarkan penggunaannya menulis tweet untuk maksimum 140 aksara. Oleh itu, pengguna Twitter akan dihadkan tweet mereka dengan hanya menulis mesej ringkas. Walau bagaimanapun, jika pengguna Twitter ingin menulis mesej yang agak panjang, mereka boleh menulis tweet mereka dengan membahagikan tweet mereka kepada beberapa bahagian dan tweet mereka disebut sebagai bebenang (*thread*). Rajah 1 menunjukkan contoh bebenang (*thread*) di Twitter.



Rajah 1

Selain itu, penyebaran mesej twitter berlaku apabila terdapat pengguna yang menekan butang *Retweet* pada mesej twitter yang menarik perhatian mereka dan seterusnya, pengikut (*followers*) mereka akan dapat melihat konteks apa yang telah mereka *tweet*. Mereka diberi kebebasan untuk membahas apa sahaja topik dan pendapat seperti tentang politik, sukan, sosial dan agama. Kecanggihan teknologi ini menjadi peluang kepada pendakwah untuk dimanfaatkan dengan menyebarkan dakwah dan nasihat tentang agama kepada komuniti terutama orang Islam.

## 2.0 KAJIAN LITERATUR

Dakwah bukan sahaja apabila seseorang itu berpidato dikhalayak ramai, tetapi ia adalah penyampaian dalam apa jua bentuk komunikasi sama ada melalui tulisan, lisan, dan perbuatan (Shofiyah, 2015). Seiring dengan pembangunan teknologi komunikasi di Malaysia, pengguna media sosial lebih tertarik dengan kandungan kreatif, maka perlunya pendekatan dakwah yang lebih santai dan interaktif. Oleh itu, *twitter* menjadi salah satu medium yang popular untuk menyampaikan dakwah dan nasihat. Cabaran hidup yang kita lalui hari ini tanpa adanya sokongan akan melemahkan semangat ada yang sanggup bertindak di luar dugaan tanpa berfikir panjang akan kesan dan akibatnya. Jadi untuk menyelesaikan masalah tersebut kita perlukan khidmat dan bantuan daripada individu yang tepat iaitu pendakwah yang berilmu dan berakhlak untuk mendorong kita ke arah kebaikan.

Pendakwah yang menggunakan teknologi termasuklah ICT untuk berdakwah dikenali dengan tekno daie (Earnie Elmie, 2014). Tekno daie adalah istilah baru dan tidak ada dalam Kamus Dewan (edisi keempat). Peranan tekno daie adalah untuk berdakwah agar masyarakat menggunakan ICT di jalan kebaikan. Berdakwah di era ICT banyak cabaran dan kesukaran yang dihadapi. Namun tugas ini perlu diteruskan agar masyarakat mendapat kesan positif dari media sosial. Menurut Noor Azaian Binti Abdul Talib, Mohd Yusof Abdullah, & Mohd Azul Mohamad Salleh. (2017), mereka membincangkan cabaran yang dihadapi oleh dakwah Islamiah di era alam siber. Ia bermula dengan penerokaan perubahan ruang yang dicipta oleh teknologi maklumat baharu, yang bergantung pada idea bahawa maklumat adalah komoditi. Penulis berpendapat bahawa pendakwah Islam harus sedar akan akibat pembangunan alam siber dan harus mereka syiar Islam dengan tepat agar dapat bersaing dan memastikan dakwah sentiasa diutamakan dalam kehidupan umat Islam.

Menurut Kusumawati, S. P. (2022), pelbagai aspek kehidupan telah terjejas oleh evolusi masyarakat. kedua-dua aspek kehidupan dalam bidang sosial, budaya, politik, dan pendidikan. Sains dan kemajuan teknologi berjalan seiring dengan perkembangan zaman moden. Semua orang boleh mengakses maklumat yang mereka perlukan dengan mudah kerana komunikasi dan maklumat yang lebih cepat yang mungkin tersebar pada masa ini. Sebagai generasi yang dibesarkan dengan akses kepada teknologi dan maklumat, orang secara semula jadi merasa lebih mudah untuk mencari maklumat yang mereka cari hasil daripada kemajuan ini. Mengetahui pelbagai perkembangan yang berlaku adalah satu perkara yang boleh dilakukan untuk mendapatkan kesan yang bermanfaat daripada pertumbuhan teknologi ini.

Menurut Muhammad Shahir (2013), berdasarkan definisi adalah perlu bagi para pendakwah hari ini berkongsi dan menyebarkan pelbagai maklumat, idea, cadangan dan pandangan menerusi media sosial. Sewajarnya dalam berdakwah kita tidak perlu menghadkan hanya menggunakan sesuatu media tertentu sahaja yang digunakan bagi menyampaikan ilmu Islam di seluruh alam ini. Malahan, melalui kepesatan teknologi serta kepantasan jaringan internet pada masa kini, aktiviti dakwah dan penyebaran ilmu Islam kepada masyarakat awam turut diaplikasikan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Perkara ini membuktikan bahawa penggunaan media sosial dalam menyebarkan maklumat dan informasi adalah lebih pantas, cepat dan mampu menarik minat masyarakat untuk melayarinya selagi tidak melanggar etika penggunaan media itu sendiri. Tambahan

pula, melalui penciptaan komunikasi siber menerusi jaringan internet dan inovasi teknologi terkini maka terhasil pelbagai jenis media sosial yang mempunyai kepelbagaian fungsinya yang tersendiri. Malah para pendakwah boleh menyampaikan dakwahnya dengan lebih baik, menarik dan interaktif. Antara media sosial yang popular sebagai alat komunikasi melalui ruang maya adalah Facebook, Twitter, YouTube, Tiktok, Instagram, WhatsApp dan banyak lagi menyebabkan timbulnya usaha untuk membangunkan jaringan sosial tempatan yang sesuai dengan kandungan dan pengguna di Malaysia.

Menurut Shofiyah (2015), terdapat lima keberhasilan dakwah menurut psikologi iaitu, dakwah yang dapat memberi kefahaman kepada masyarakat tentang apa yang didakwahkan, masyarakat merasa terhibur dengan dakwah yang diterima, berhasil meningkatkan hubungan yang baik antara pendakwah dan masyarakat, dakwah yang dapat mengubah sikap masyarakat dan dakwah berjaya menimbulkan tindak balas yang baik oleh masyarakat dalam bentuk tindakan. Untuk mencapai keberhasilan dakwah tersebut, pendakwah hendaklah memupuk kriteria seorang pendakwah profesional seperti yang disebut oleh Shofiyah (2015) yang bertanggungjawab dan arif dalam bidangnya.

Melalui penggunaan media, pelbagai keperluan semasa umat Islam dapat dicurahkan oleh umat Islam itu sendiri mengikut citarasa kontemporari yang sesuai dengan ajaran Islam yang sentiasa menjadi pilihan alternatif umat Islam sekarang. Penggunaan media dalam Islam seharusnya lebih menekankan konsep tauhid dan menjadikan Islam sebagai acuan hidup mereka. Selari dengan ajaran Islam peranan media mestilah menonjolkan prinsip yang telah ditetapkan. Dalam konteks komunikasi Islam yang mempunyai ruang lingkup yang lebih luas tentang media, Islam telah menetapkan bahawa media Islam mestilah selari 97 dengan peranan agama Islam itu sendiri. Ianya terkandung dalam Al-Quran Surah Al-Hujurat ayat 6 yang bermaksud:

*“Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah untuk menentukannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu mengenainya sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.”*

Namun demikian, menurut Ghazali (2007) dalam menghadapi realiti semasa umat Islam dan cabarannya, peranan media informasi Islam ditumpukan kepada lima aspek terpenting iaitu:

- Menyebarkan Islam dan menjelaskan kebenaran kepada orang ramai.
- Mempertahankan isu-isu yang berkaitan dengan kehidupan ummah.
- Menggunakan pendekatan dan kaedah yang bijaksana dalam menjayakan proses komunikasi yang berkesan.
- Melancarkan perang saraf terhadap musuh sebagai salah satu cara dakwah menangkis serangan media Barat serta melemahkan hujah dan posisi mereka di samping mengukuhkan sasaran dan perspektif Islam.
- Menghadapi perang media propaganda asing serta melindungi ummah dari usaha yang menyesatkan.

Natijahnya di sini, peranan media yang dibawa haruslah berdasarkan dan bercorakkan kepada prinsip kebenaran dengan disokong oleh fakta dan bukti yang jelas. Tanpa bukti dan fakta yang jelas, ianya akan merosakkan perpaduan malah akan mengakibatkan perpecahan antara umat Islam. Berita yang disampaikan atas dasar sangkaan, khabar angin ataupun pendustaan atau penipuan mesti ditolak sama sekali. Peranan yang ditetapkan dalam Islam perlu digalas oleh pengamal media yang menjadikan media sebagai salah satu platform dalam mengembangkan ilmu agama. Ianya harus disampaikan dengan bijaksana dan bersistematik agar dapat membantu masyarakat lain dalam memahami kehendak Islam terutama sekali golongan muda.

### 3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kualitatif dengan melakukan pemerhatian dalam menerusi aplikasi twitter yang digunakan dalam kajian ini. Kajian dilakukan dimana data dikumpul dengan kaedah perpustakaan dan analisis dokumen dimana pengkaji membuat penelitian terhadap kajian- kajian lepas yang berkaitan artikel, jurnal, website dan laporan.

### 4.0 PERBINCANGAN DAN DAPATAN KAJIAN

#### 4.1 Kriteria Seorang Pendakwah

Dalam setiap pekerjaan, terdapat kriteria yang perlu ada dalam diri seseorang untuk mencapai objektif atau keperluan yang diinginkan dalam bidang tersebut. Sebagai seorang pendakwah juga hendaklah mempunyai kriteria yang membolehkan proses dakwah berjalan dengan mudah dan diterima dengan lapang dada oleh pendengar. Lebih-lebih lagi, berdakwah di media sosial seperti twitter. Ianya sesuatu yang amat mencabar kerana penyampaian dakwah melalui tulisan berbeza dengan menyampaikan dakwah melalui ucapan seperti zaman Rasulullah SAW.

Antara kriteria tersebut ialah:

1. Mengutamakan kepentingan Islam ketika berdakwah bagi mengelakkan daripada terjebak dengan kepentingan-kepentingan duniawi yang lain ketika melaksanakan kerja-kerja dakwah.

Sebagai seorang pendakwah, perkara yang menjadi asas dalam Islam harus diutamakan terlebih dahulu. Proses dakwah yang disebarkan melalui twitter lebih cepat tersebar berbanding dakwah secara bersemuka. Ini kerana, platform twitter merupakan salah satu media sosial yang sering digunakan oleh rakyat Malaysia. Oleh yang demikian, setiap perkara atau perkataan yang ditulis atau disebut hendaklah bertepatan dengan faktanya. Apabila seseorang individu membuat keputusan untuk berdakwah melalui media sosial, dia hendaklah sedar bahawa dakwah bukanlah perkara yang mudah. Ramai remaja yang ingin mencuba-cuba untuk menceburi bidang ini tetapi gagal dipertengahan jalan. Para pendakwah akan menghadapi pelbagai cabaran ketika berdakwah di media sosial. Ketagihan menggunakan media sosial boleh memberi impak yang negative kepada individu. Sebagai pendakwah yang professional dan berilmu hendaklah sentiasa memperbaharui niat agar proses dakwah dipermudahkan oleh Allah SWT. Perana guru atau mentor amat penting pada waktu ini agar sentiasa membimbing pendakwah supaya sentiasa tetap pada tujuan asal dakwah tersebut dilakukan. Bukan untuk populariti, tetapi untuk meneruskan perjuangan Rasulullah dalam menyampaikan dakwah kepada umat manusia.

Justeru, kemungkinan besar dakwah tanpa bimbingan dari guru akan menyebabkan mereka keliru dengan input yang perlu disampaikan dan percampuran antara yang benar dan batil akan berlaku.

Allah telah berfirman di dalam al-Quran:

وَلَا تَلْبِسُوا الْحَقَّ بِالْبَاطِلِ وَتَكْفُرُوا بِالْحَقِّ وَأَنْتُمْ كَالْمُؤْمِنِينَ ۚ ٤٢

Maksudnya: “Dan janganlah kamu campur adukkan kebenaran dengan kebatilan dan janganlah kamu sembunyikan kebenaran juga. Padahal kamu mengetahuinya.” (Surah Al-Baqarah ayat 42).

Berdasarkan ayat di atas, Allah melarang kita untuk mencampurkan perkara yang benar dan batil serta menyembunyikan kebenaran. Ini kerana, setiap sesuatu perkara telah diistinbat hukumnya

berdasarkan al-Quran, hadis, ijma' ulama' atau qiyas. Kita tidak boleh mengubah hukum-hukum tersebut sama ada atas dasar toleransi sesama agama atau untuk kepentingan diri. Pluralisme, sekularisme, dan liberalisme adalah fahaman yang muncul apabila hak dan batil dicampur adukkan dan ianya bertentangan dengan Islam. Menurut portal Mufti Wilayah Persekutuan ketiga-tiga fahaman ini merupakan serangan pemikiran yang berasal dari pemikiran yang boleh merosakkan akidah masyarakat. Oleh itu, para pendakwah hendaklah sentiasa meningkatkan keimanan dan ketakwaan supaya terhindar dari pengaruh pemikiran barat yang boleh memesongkan akidah serta membantutkan proses dakwah.

## 2. Mengawal Hawa Nafsu.

Setelah pendakwah dapat mengeratkan perhubungannya dengan Allah s.w.t. dan mengikhlaskan niat kepada-Nya, pendakwah perlu memperbaiki dirinya sendiri dan mengawal hawa nafsunya. Pendakwah hendaklah mengetahui segala perintah dan larangan Allah s.w.t. Imam al-Ghazali berkata, 'Dalam kesibukan berdakwah kepada orang ramai, pendakwah perlu memperbaiki dirinya terlebih dahulu. Contohnya, jika seorang pendakwah ingin memperbaiki seseorang daripada sifat bakhil, ia haruslah menjauhkan dirinya daripada sifat tersebut terlebih dahulu. Sesiapa yang memulakan dengan dirinya terlebih dahulu, ia akan mengetahui dengan sebenarnya apa yang akan disampaikan kepada orang lain dan kata-kata tersebut akan sampai kepada jiwa yang tulus ikhlas'. Perkara yang penting bagi para pendakwah Islam ialah mendalami dirinya sendiri dan seterusnya mengubati atau memperbaiki kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam dirinya. Hanya dengan cara itu pendakwah dapat menjadi contoh yang baik (ukhwah hasanah) kepada orang lain dan sekaligus menyebabkan orang lain mematuhi apa yang disampaikan oleh pendakwah tersebut serta beriltizam untuk menjauhi apa yang dilarang.

## 3. Pembacaan yang meluas

Dalam konteks dakwah di media sosial, kita hendaklah fahami bahawa tahap kognitif dan intelektual rakyat Malaysia berbeza-beza. Oleh kerana itu, penggunaan bahasa yang ringkas dan mudah difahami amat digalakkan supaya warga netizen dapat memahami penyampaian kita dengan mudah. Berbeza pula apabila kita berhadapan dengan kelompok yang berpendidikan, kita boleh menggunakan istilah atau bahasa-bahasa saintifik apabila bercakap dengan mereka.

Sebagai seorang pendakwah, untuk mendapatkan jawapan yang sahih terhadap sesuatu isu perlulah merujuk kepada beberapa kitab yang berkaitan. Sebagai contoh, pendakwah tersebut ingin mengupas isu mengenai haid. Beliau perlulah merujuk serta membaca beberapa kitab fiqh dan tidak hanya bergantung kepada satu kitab sahaja. Pembacaan yang meluas dapat membuka minda pendakwah bahawa isu mengenai haid berbeza pandangannya mengikut mazhab. Oleh yang demikian, pendakwah tidak akan gugup untuk menjawab isu tersebut jika pembaca atau pendengar ingin mengetahui isu haid dari kesemua mazhab.



Rajah 2



Rajah 3

Berdasarkan dua rajah di atas, melalui pembacaan yang meluas, pendakwah dapat menerangkan isu yang dibahaskan dengan lancar dan mudah difahami oleh pembaca. Maka dengan pembacaan yang meluas kita akan berfikiran lebih terbuka dalam menilai setiap aspek dalam kehidupan.

#### 4.2 Cabaran Penyebaran Dakwah Di Twitter

Setiap pengguna Twitter terutamanya umat Islam mestilah berhati-hati dalam memilih maklumat, menerima berita atau mesej dakwah yang diterima. Dengan adanya dunia tanpa sempadan ini, penyampaian mesej atau berita yang benar atau palsu lebih mudah tersebar kepada orang ramai. Sebagai seorang umat Islam, kita mestilah berwaspada dengan setiap mesej dakwah yang disampaikan melalui media sosial ini. Di zaman kini, segala maklumat boleh dicari di hujung jari sahaja. Oleh yang demikian, sebarang kajian bagi memastikan sesuatu mesej dakwah itu adalah sahih atau tidak, dapat dilakukan dengan mudah. Namun begitu, sumber kajian utama bagi umat Islam adalah Al-Quran serta diikuti dengan Hadis.

Penggunaan Twitter yang kini meluas dapat mengakibatkan lambakan atau penyalahgunaan maklumat berlaku dalam kalangan masyarakat hari ini. Hal ini kerana, sesiapa sahaja boleh menulis dan berkongsi apa sahaja mesej dan berita di ruangan twitter mereka dan tentang agama di Twitter masing-masing untuk dikongsikan bersama pengikut-pengikut atau rakan-rakan tanpa sebarang tapisan. Kebebasan ini akan menyebabkan individu yang tidak bertanggungjawab dan tiada ilmu agama yang cukup tinggi untuk menyalahgunakan maklumat dan berkongsi fakta yang tidak benar kepada orang lain. Hal ini sangat bertentangan dengan syariat Islam yang amat menitikberatkan integriti dalam menyampaikan sebarang maklumat atau berita.

Firman Allah SWT di dalam surah Al-Hujurat ayat 6:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهَالَةٍ فَتُصْحَبُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! Jika seseorang yang fasik datang kepadamu membawa suatu berita, maka telitilah kebenarannya, agar kamu tidak mencelakakan suatu kaum karena kebodohan (kecerobohan), yang akhirnya kamu menyesali perbuatanmu itu.

Apabila kes seperti ini semakin teruk dan berleluasa, terdapat pihak-pihak yang ambil berat akan kebajikan masyarakat dan ingin memulihkan kefahaman mereka tentang agama seperti Ustazah Asma' Harun, Abdullah Hadi Awang dan lain-lain mempengaruhi agama yang terkenal, mengambil tanggungjawab itu untuk menjawab segala kekeliruan pengguna Twitter tentang kesahihan sesuatu masalah dan akhirnya dapat mengelakkan perbalahan antara satu sama lain.



Rajah 5

Rajah-rajah di atas menunjukkan contoh sikap dan kriteria yang harus dielakkan agar tidak berlaku salah faham oleh orang lain. Menghormati pandangan orang lain juga merupakan etika yang baik dan kita bertanggungjawab menjaga kehormatan diri sendiri daripada melakukan toman-toman yang tidak beradab.

Oleh yang demikian, penyalahgunaan maklumat ini tidak seharusnya menjadi penghalang untuk para pendakwah malah menjadikan ia satu peluang untuk menegaskan kebenaran secara tidak langsung menarik golongan bukan Islam terhadap ajaran agama Islam. Mesej dakwah yang disampaikan melalui media sosial dapat disasarkan kepada pelbagai lapisan masyarakat sama ada yang beragama Islam serta bukan Islam. Di Malaysia, masyarakatnya terdiri daripada pelbagai agama, kaum dan bangsa. Oleh itu, penyampaian *dakwah Islamiyyah* agak sukar kerana Islam selalu disalah ertikan dan berkait rapat dengan kaum Melayu. Kebanyakan golongan bukan Islam menganggap bahawa semua kaum Melayu adalah beragama Islam. Mereka melihat ajaran-ajaran Islam yang disampaikan hanyalah sebagai amalan kaum Melayu dan bukan amalan umat Islam. Dengan persepsi yang sedemikian, boleh dikatakan tidak hairan jika golongan bukan Islam tidak tertarik dengan mesej dakwah yang telah disampaikan melalui Twitter. Ini akan memberi satu cabaran yang besar terutama kepada para pendakwah dalam berdakwah dengan menggunakan media sosial yang lain.

### 4.3 Etika Penyebaran Dakwah Di Twitter


Dalam menuju kepada dakwah alaf baru di mana pendakwah pada masa kini boleh memanfaatkan medium siber sebagai platform dakwah mereka. Penyampaian dakwah boleh menyampaikan dakwah hanya menggunakan peralatan teknologi seperti telefon pintar (smart phone) yang boleh mengakses kepada berdakwah menerusi platform laman sosial seperti twitter. Tetapi, pelbagai kesalahan akhlak dan etika dikesan dan kadangkala ia turut menimbulkan keresahan terhadap pendakwah dan sekali gus mencemarkan dakwah Islam yang seharusnya kelihatan indah dalam penyampaian dan penuh dengan kelembutan dan hikmah akhirnya bertukar menjadi medan perbalahan dan perpecahan.

Umum mengetahui bahawa menjadi seorang pendakwah haruslah dilakukan atas dasar ilmu pengetahuan yang mendalam dan kebijaksanaan. Sebelum kerja dakwah dijalankan, seorang pendakwah haruslah merancang dan mempunyai pengetahuan dalam menyampaikan dakwah. Sehubungan dengan itu pendakwah tersebut perlulah melakukan dakwah secara perbincangan ini, seorang pedakwah atau da'i, haruslah menguasai ajaran Islam dengan betul, juga dari menahan diri dari sikap emosional dalam menyatakan hujah dakwah. Apa yang penting dalam sesebuah dakwah adalah ia perlu menitikberatkan berkenaan akhlak dalam dakwah di mana dari segi perkongsian nasihat mahupun teguran yang ingin disampaikan kepada individu di laman sosial.



Sehubungan dengan itu, dakwah melalui twitter perlu mengutamakan ketulenan fakta dan sumber rujukan dalam menyampaikan sesebuah hadis mahupun pendapat ulama kerana ia penting dalam mengelakkan berlakunya fitnah yang besar dalam agama terutamanya hadis Nabi SAW kerana ia telah diberi ancaman besar oleh Nabi SAW berkenaan dengan hukum menyebarkan hadis palsu yang bukan daripada kata-kata Nabi SAW walaupun niatnya baik dalam menyebarkan kebaikan namun ia salah dari segi etika dan bercanggah dengan syarak. Larangan berbohong terhadap hadis Nabi SAW jelas disebut oleh Nabi SAW dan termasuk ancaman kepada pendusta, kata Nabi SAW.

وَمَنْ كَذَبَ عَلَيَّ مُتَعَمِّدًا فَلْيَتَّبِعُوا مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ

Maksudnya: “Barangsiapa yang berdusta di atas namaku dengan sengaja maka siaplah tempatnya di dalam neraka.” [Riwayat al-Bukhari (110)]



Rajah 6



Rajah  
7

Rajah  
6 dan 7  
diatas

menunjukkan salah satu contoh penyampaian dakwah yang baik oleh pengengaruh islamik di Twitter. Oleh itu, generasi muda akan lebih faham agama dan dakwah ini dapat disampaikan kepada orang lain.

Dengan itu dapat difahami bahawa menjadi kewajipan terhadap kita semua sebelum membaca, menulis, mengajar atau menyampai sesebuah hadith Nabi SAW, perlulah dikenalpasti terlebih dahulu akan sumber dan status (hukum) hadith tersebut sebelum menyebarkannya kepada orang lain kerana bimbang dengan tidak menyatakan sumber atau hukum hadith akan menyebabkan kita termasuk ke dalam ancaman Nabi SAW tersebut.

Maka jelaslah bahawa kewajipan seseorang pendakwah ini dalam berkongsi atau menggunakan sesebuah hadis Nabi SAW wajib untuk menyelidiki mahupun memastikan taraf dan sumber hadis tersebut sebelum diguna atau dikongsikan menerusi aplikasi Twitter. Sebaiknya adalah perkongsian dan maklumat itu ditapis dan disaring terlebih dahulu dalam memastikan keabsahan sumber dan tidak tersilap. Dengan cara ini, ia akan menjaga kesucian agama ini daripada penyelewengan golongan-golongan yang ingin melihat Islam ini hancur.

## 5.0 KESIMPULAN

Berdakwah di media sosial bukanlah perkara yang mudah. Pelbagai aspek perlu diteliti dan diberi perhatian sebelum kita menyampaikan kepada masyarakat. Menjadi seorang pendakwah juga banyak cabarannya. Selain itu, segala ilmu yang dipelajari hendaklah dipraktikkan selari dengan apa yang disampaikan di media sosial. Pemikiran pendakwah juga haruslah berkembang seiring dengan perkembangan teknologi. Jika perlu penambahbaikan dari segi penyampaian dakwah supaya lebih berkesan, rujuklah mentor atau guru supaya tidak berlaku perkara yang boleh menjatuhkan maruah diri dan agama.

## **RUJUKAN**

- Ernie Elmie. 2014. Peranan Tekno Daie Dalam Berdakwah Di Era Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT). Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014: Da'wah & Ethnicity: Multidisciplinary Perspective. Pusat Kajian Dakwah Orang Asli dan Pribumi, UKM, Bangi, Selangor.
- Shofiyah. 2015. Pendidikan Da'i Dan Proses Pelaksanaannya. Institut Agama Islam Tarbiyatut Tholabah Lamongan, Indonesia.
- Noor Azaian Binti Abdul Talib, Mohd Yusof Abdullah, & Mohd Azul Mohamad Salleh. (2017). CABARAN DAKWAH ISLAM DI ALAM SIBER (Challenges of Islamic Dakwah in Cyber Space). E-Bangi, 14(7).
- Nurain Nabilah Amiruddin & Khazri Osman. 2022. Etika Berdakwah Melalui Media Sosial. Seminar Dakwah & Wahdah Al-Ummah 2022. Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Kusumawati, S. P. (2022). Penyampaian Dakwah Islam di Media Sosial Bagi Generasi Z: Penyampaian Dakwah Islam di Media Sosial Bagi Generasi Z. *Al-INSAN Jurnal Bimbingan Konseling dan Dakwah Islam*, 3(1), 1-14.
- Muhamad Asyraf Bin Ahmad Termimi, Khairul Azhar Bin Meeranghani, Dr. Rushdi Bin Ramli (2020). *Dakwah Siber: Etika dan Akhlak*. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- Muh. Taufik Hidayat (2022), *Berdakwah Di Media Sosial*, IAIN Parepare.